



## KENYATAAN TAWARAN

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). **(Bawa bersama kad pengenalan, sijil asal dan cop syarikat semasa lawatan tapak)**
2. Borang Sebutharga akan dijual pada harga **RM 50.00**. Borang ini boleh diperolehi di **Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan MDT (Tingkat 2)**.
3. Bagi Sebutharga G2 diminta kontraktor mengemukakan dokumen sebutharga bersama penyata bank Tiga (3) bulan terkini tahun semasa Ogos, September, Oktober 2025 dan semua dokumen hendaklah mendapatkan pengesahan daripada pihak bank yang berkenaan. (Asal) dan chop agensi pengeluar. Kontraktor juga dikehendaki mengemukakan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** yang sah dan masih dalam tempoh laku untuk mengelakkan borang sebutharga ditolak.
4. Setiap kesilapan pada Borang Sebutharga hendaklah ditandatangani balas, tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (**liquid paper**).
5. **Tempoh sah laku sebutharga**  
Sebutharga ini sah laku dalam **tempoh 90 hari** dari tarikh mengemukakan Sebutharga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku Sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
6. Borang Sebutharga yang telah **diisi dan dilengkapkan serta berlakri** hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga mengikut nombor Sebutharga yang tertera di bahagian hadapan Peti Sebutharga (Peti Tawaran) dan mendaftar memasuki peti tawaran di Tingkat Bawah, Bangunan Majlis Daerah Tampin. **Nombor sebutharga dan Tajuk Kerja** hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. ***Borang Sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di bawah.***
7. **Kontraktor-kontraktor G2 yang berdaftar dengan, Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB** di bawah **Kategori dan Pengkhususan** berikut dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga di bawah :-

| NO. SEBUTHARGA      | TAJUK PROJEK<br>(PEMBIAYAAN)**                                                                              | TARAF /<br>JENIS SYKT              | GRED KATEGORI<br>&<br>PENGKHUSUSAN                                                    | TEMPAT TAKLIMAT &<br>DOKUMEN MULAI<br>DIJUAL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | TEMPAT /<br>TARIKH &<br>WAKTU<br>SEBUTHARGA<br>DITUTUP                                                                                                                                                                                 |
|---------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SH(P)/J/92/<br>2025 | MENURAP SEMULA<br>JALAN DI JALAN<br>HEVEABOARD,<br>GEMAS DAN LAIN-<br>LAIN KERJA<br>BERKAITAN, MD<br>TAMPIN | <b>G2</b><br><br><b>Bumiputera</b> | Kategori: CE<br>(Pembinaan<br>Kejuruteraan<br>Awam)<br><br>Pengkhususan :<br><br>CE21 | <b>Lawatan Tapak</b> pada<br><b>03.11.2025 (ISNIN)</b> di<br>Dewan Perdana Tampin<br>jam <b>9.30 pagi</b> Kehadiran<br>Wajib tanpa wakil<br><br><b>Penjualan Borang</b><br>Sebutharga bermula pada<br><b>03.11.2025 (ISNIN) -</b><br><b>07.11.2025 (JUMAAT)</b><br><b>(9.00 pagi – 3.30</b><br><b>petang)</b><br><br>Di Jabatan Kejuruteraan<br>& Bangunan, Tkt. 2<br>Majlis Daerah Tampin,<br>Negeri Sembilan D.K | Pejabat Majlis<br>Daerah Tampin,<br>73000 Tampin,<br>Negeri Sembilan<br>Darul Khusus.<br>(Tingkat Bawah,<br>Bangunan Majlis<br>Daerah Tampin)<br><br><b>10.11.2025</b><br><b>(ISNIN)</b><br><br><b>Jam :</b><br><b>12.00 tengahari</b> |